



34 mukim di Selangor, 14 lokaliti di KL kena PKPD

Oleh Nor Azizah Mokhtar
dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di sebahagian besar Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama 14 hari bermu-

la esok hingga 16 Julai depan.

Di Selangor, PKPD akan membabitkan 34 daripada 57 mukim di luar daripada sembilan daerah di Selangor iaitu daerah Petaling, Hulu Langat, Sepang, Gombak, Kuala Lumpur, Klang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor, manakala hanya daerah Sabak Bernam kekal dengan sekatan pergerakan penuh.

Mukim berkenaan adalah Petaling, Damansara, Sungai Buloh, Bukit Raja (daerah Petaling); Hulu Langat, Ampang, Cheras, Kajang, Semenyih, Beranang (daerah Hulu Langat); Dengkil, Labu, Sepang (daerah Sepang); Batu, Rawang, Setapak, Hulu Kelang, Klang (daerah Gombak).

Tak boleh keluar kawasan rumah selepas jam 8 malam

Dari Muka 1

Tanjung 12 (1), Tanjung 12 (2), Teluk Panglima Garang, Morib, Bandar, Jugra, Batu (daerah Kuala Langat); Kapar, Klang (daerah Klang); Ijok, Bestari Jaya, Jeram (daerah Kuala Selangor) dan Serendah, Rasa, Ulu Yam, Batang Kali (daerah Hulu Selangor).

Lokaliti di Kuala Lumpur yang dikenakan PKPD pula membatalkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak, PPR Batu Muda, Flet Seksyen 2 Wangsa Maju, Flet Seksyen 1 Wangsa Maju, Kampung Padang Balang, Taman Koperasi Polis (Fasa 1 & 2), Flet Sri Sabah, Kampung Puah, PPR Kampung Baru Air Panas, Flet Desa Pandan (termasuk Baiduri & Delima), Kampung Batu Muda, PPR Kerinchi, Bandar Baru Sentul dan Taman Ikan Emas.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keputusan untuk mengenakan PKPD itu dibuat susulan kedua-dua negeri ini menunjukkan trend jangkitan tinggi dengan Selangor melaporkan purata kes harian COVID-19 antara 1,800 hingga 1,900.

Beliau berkata, purata kes harian di Kuala Lumpur pula dalam lingkungan 600 ke 1,000 kes, sekali gus menunjukkan semua daerah di Selangor dan Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur melaporkan insiden kes COVID-19 melebihi 12.1 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

“Data unjuran kadar nilai kebolehsangkitan (R-naught) di kedua-dua negeri ini juga masih dalam lingkungan 1.0 dan tidak menunjukkan trend penurunan.

“Situasi ini membimbangkan apabila mengambil kira kepadatan penduduk dan penularan tiga varian baharu yang lebih ganas iaitu varian Beta B.1.351 (Afrika Selatan), Delta B.1.617.2 (India) dan Alpha B.1.1.7 (UK),” katanya dalam kenyataan semalam.

Berikutan pelaksanaan PKPD itu, Ismail Sabri berkata, pergerakan di luar kawasan kediaman selepas jam 8 malam dilarang, kecuali bagi kes kecemasan atau mendapat kebenaran polis.

Beliau berkata, pekerja selain perkhidmatan perlu juga tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD dan tidak boleh keluar bekerja sepanjang tempoh PKPD.

“Majikan perlu mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja hanya bekerja dari rumah. Pekerja daripada perkhidmatan perlu dan kilang serta premis perniagaan yang dibenarkan sahaja boleh menggunakan surat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang sudah dikeluarkan sebelum ini,” katanya.

Semua kilang di kawasan PKPD

juga akan ditutup kecuali kilang bahan makanan dan keperluan asas harian seperti beras, roti putih, gula, minyak masak, tepung gandum, susu segar, susu tepung bayi, ubat-ubatan dan topeng muka sahaja dibenarkan beroperasi.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, ujian saringan secara bersasar akan dilaksanakan ke atas semua penduduk di kawasan dikenakan PKPD itu.

Katanya, semua penduduk dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan keluar kediaman kecuali seorang wakil isi rumah untuk membeli keperluan asas di kawasan PKPD dalam radius 10 kilometer dari kediaman.

“Semua laluan kawasan PKPD akan ditutup dan dikawal polis. Bagaimanapun, pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal masih dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS.

“Lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi seperti biasa, manakala aktiviti dan perkhidmatan pengangkutan awam (kereta api, komuter, bas, lapangan terbang, teksi, feri, e-hailing dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan kapasiti 50 peratus,” katanya.

PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur

Aktiviti dibenarkan

- » Pergerakan rentas daerah, negeri bagi tujuan **vaksinasi COVID-19**.
- » Sektor perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi dari **8 pagi hingga 8 malam**.
- » **Lapangan terbang, pelabuhan** dibenarkan beroperasi seperti biasa.
- » **Hanya kilang bahan makanan** dan keperluan asas harian dibenar beroperasi.
- » Kebenaran bekerja hanya bagi **perkhidmatan perlu** atau menjalankan **tugas rasmi kerajaan**.
- » Pengangkutan awam dibenar beroperasi dengan **kapasiti 50 peratus**.
- » Bilangan penumpang teksi, e-hailing **dihadkan dua orang**, termasuk pemandu.
- » Restoran, kedai/gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar,



medan selera/pusat penjaja, gerai makan tepi jalan/kiosk dibenar **beroperasi 8 pagi hingga 8 malam**.

» Pembelian makanan **secara bungkus, pandu lalu**, penghantaran sahaja dibenar.

» Kedai runcit, serbaneka, barangan keperluan harian dibenarkan beroperasi **8 pagi hingga 8 malam**.

» Hospital, klinik dan makmal perubatan boleh **beroperasi 24 jam**.

» Kedai farmasi, penjualan ubat-ubatan, klinik haiwan, kedai makanan haiwan boleh beroperasi **8 pagi hingga 8 malam**.

» Stesen minyak dibenar beroperasi **6 pagi hingga 8 malam** kecuali di **lebuhraya bertol 24 jam**.

» Pasar borong boleh beroperasi **12 tengah malam hingga 6 pagi**.

» Pasar awam, Pasar Tani Kekal (PTK) & MyFarm Outlet (MFO) **6 pagi hingga 2 petang**.



Aktiviti tidak dibenarkan

- » Tiada pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas **8 malam kecuali kecemasan** atau dengan kebenaran polis.
- » Pekerja selain perkhidmatan

perlu tidak **dibenarkan keluar dari kawasan PKPD**.

» **Aktiviti sukan, sosial, rekreasi** dan budaya tidak dibenarkan.



Terkini COVID-19	5,580	Pulih, dibenar keluar hospital, semalam	6,988	Kes baharu disahkan, semalam	5,254	Jumlah kematian dicatat	758,967	jumlah kes disahkan positif	65,453	kes yang masih dirawat
-------------------------	--------------	--	--------------	-------------------------------------	--------------	--------------------------------	----------------	------------------------------------	---------------	-------------------------------